

PROGRAM 'HARM REDUCTION' (PROGRAM PERTUKARAN JARUM SUNTIKAN DAN PEMBERIAN KONDOM)



SITUASI HIV/AIDS DI MALAYSIA

- Kes pertama jangkitan HIV di Malaysia dikesan pada tahun 1986. Sehingga Disember 2004, sebanyak 64,439 kes jangkitan HIV telah dilaporkan, termasuk 9,442 AIDS dengan 7,195 kematian akibat AIDS. Pada tahun 2004 sahaja, terdapat 18 kes baru HIV serta 3 kes AIDS setiap hari. Dianggarkan 300,000 kes HIV terkumpul di negara ini pada tahun 2015 sekiranya tiada tindakan diambil segera.
- Malaysia merupakan antara negara di dunia yang mana wabak HIV/AIDS dikaitkan dengan penyalahgunaan dadah. Penagih dadah jenis suntikan (IDU) merupakan majoriti kes HIV dan AIDS di negara ini, iaitu melebihi 75%.

APA ITU 'HARM REDUCTION' (PENGURANGAN MUDARAT)?

- PENGURANGAN MUDARAT bermaksud mengurangkan kemudaratan yang akan berlaku akibat pengambilan dadah, seperti;
- jangkitan HIV/AIDS, Hepatitis B & C,
- "drug overdose"
- masalah perubatan dan psiko-sosial
- penglibatan dalam aktiviti jenayah dan anti-sosial yang lain.

KOMPONEN DALAM 'HARM REDUCTION'

- Pendidikan kesihatan bersemuka tentang penyakit serta kaedah mengurangkan risiko jangkitan HIV/AIDS, Hepatitis dan penyakit kelamin (STD).
- Kaunseling berkaitan aspek penagihan, psikologi, kerohanian, latihan kemahiran hidup dan perubahan tingkahlaku.

- Ujian saringan HIV, STD dan Tuberkulosis (TB)
- Rawatan perubatan dan penjagaan kesihatan
- Rujukan yang sesuai untuk tindakan susulan
- Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan (Needle & Syringe Exchange Program, NSEP)
- Program Rawatan Gantian Dadah, contohnya program methadone
- Penggunaan kondom bagi tujuan seks selamat.

KENAPA PERLUNYA 'HARM REDUCTION'?

- Menjelang tahun 2015, diunjurkan seramai 300,000 warga Malaysia akan dijangkiti HIV sekiranya TIADA program pencegahan efektif dilaksanakan.
- "Harm Reduction" merupakan program khusus untuk mencegah dan mengawal penularan HIV di kalangan penagih dadah tegar dan juga kepada pasangan seks mereka.
- Penagih dadah HIV positif boleh menularkan HIV kepada isteri dan seterusnya kepada anak dalam kandungan. Dengan ini, berlakulah penularan HIV/AIDS ke dalam keluarga dan masyarakat umum.
- Program "Harm Reduction" akan memberi ruang dan peluang kepada penagih-penagih dadah untuk mendapatkan rawatan serta penjagaan berkaitan HIV/AIDS .
- Banyak kajian menunjukkan bahawa "Harm Reduction" telah terbukti berkesan dan kos-efektif di banyak negara dalam mengurangkan kes HIV, di samping tidak menambah kes penagih dadah baru atau jumlah suntikan yang diambil.

KONSEP PROGRAM PERTUKARAN JARUM dan ALAT SUNTIKAN (NSEP)

- Program Pertukaran (bukan pemberian semata-mata) Jarum dan Alat Suntikan (NSEP) yang akan dilaksanakan oleh negara nanti adalah;
 - sasaran kepada penagih dadah suntikan yang tegar
 - dilaksanakan di peringkat komuniti, di luar Pusat Serenti
 - dijalankan melalui kaedah “outreach” oleh NGO.
- Program ini bukan hanya tertumpu kepada aktiviti memberi dan menukar jarum/alat suntikan sahaja, tetapi ianya menyediakan “ruang kemasukan” (entry point) bagi lain-lain komponen yang lebih menyeluruh.
- Tujuan utama program adalah untuk memastikan:
 - Penagih dadah dari jenis suntikan mempunyai jarum dan alat suntikan mereka sendiri dan tidak berkongsi dengan orang lain.
 - Kuantiti jarum dan alat suntikan yang telah digunakan dan tercemar akan berkurangan.
 - Peralatan suntikan yang telah digunakan akan dilupuskan secara sistematik dan selamat.

PROJEK PERINTIS

- Projek perintis Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan serta pemberian kondom secara percuma kepada penagih dadah tegar ini dijadualkan bermula pada Januari 2006 selama setahun.



ISU BERKAITAN (FAQ)

1. Adakah program “Harm Reduction” ini satu-satunya langkah baru yang akan diambil oleh pihak kerajaan dalam menangani masalah penularan HIV/AIDS dikalangan penagih dadah?

Ya.

Program “Harm Reduction” ini merupakan program yang baru dan khusus untuk mencegah dan mengawal penularan HIV di kalangan penagih dadah dan juga pasangan seks mereka. Program-program pendidikan mengenai bahaya dadah, program pemulihan dadah di Pusat-Pusat Serenti, penguatkuasaan undang-undang dan sebagainya masih diteruskan oleh pihak kerajaan dan agensi-agensi berkaitan.

2. Adakah program “Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan Percuma” kepada penagih dadah akan meningkatkan jumlah penagih dadah di negara ini?

Tidak.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan bahawa tiada bukti kukuh yang boleh menunjukkan bahawa program ini akan menambahkan bilangan penagih dadah baru atau jumlah suntikan yang diambil. Malah maklumat menunjukkan bahawa lebih ramai penagih dadah akan tampil mendapatkan rawatan lanjut sekiranya program ini disertakan dengan aktiviti rawatan dan rujukan yang sesuai untuk mereka.

3. Adakah program “Harm Reduction” ini akan membazirkan wang kerajaan iaitu wang rakyat?

Tidak.

Walaupun Kerajaan menganggarkan kos bagi melaksanakan program ini akan menelan belanja yang besar, tetapi kos ini hanya satu pertiga (1/3) daripada keseluruhan kos untuk rawatan kepada pengidap HIV/AIDS yang baru dijangkiti jika program “harm reduction” ini tidak dilaksanakan.

